

22 OCT 2003

Khair-Abdullah

KHIR ENGGAN ULAS HUBUNGAN DENGAN ABDULLAH

SHAH ALAM, 22 Okt (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo hari ini enggan mengulas desas-desus yang mengatakan beliau tidak mempunyai hubungan yang baik dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Orang nak cakap, dia boleh cakap," katanya ketika ditanya pemberita mengenai hubungannya dengan Abdullah.

Dr Mohamad Khir sebaliknya mahu semua pihak bekerja keras dan memberikan sokongan kepada Abdullah apabila menjadi Perdana Menteri nanti untuk membangunkan negara.

Beliau juga yakin Malaysia akan terus membangun di bawah kepimpinan Abdullah.

"Saya harap semua rakyat bekerja sebagai satu pasukan dengan Pak Lah untuk terus membangunkan negara. Tidak ada maknanya kita menyebarkan cerita yang bukan-bukan, akhirnya kita yang rugi. Yang penting kita ialah kerja keras," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan exco di sini hari ini.

Abdullah akan menggantikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan melepaskan jawatannya pada akhir bulan ini.

Dr Mohamad Khir mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr Mahathir kerana memberi kepercayaan kepada beliau untuk menerajui sebuah negeri yang maju seperti Selangor dalam "usia mudanya dan kurang pengalaman".

Beliau berkata Dr Mahathir banyak memberikan bimbingan dan dorongan kepadanya.

"Kalau saya ada masalah, saya akan berjumpa beliau (Dr Mahathir) dan tanyakan bagaimana nak selesaikan masalah ini. Saya bersyukur mempunyai seorang ketua yang bertanggungjawab, cintakan negara, agama dan bangsa," katanya.

--BERNAMA

LES BK